

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID**

**KAWASAN : KUALA LANGAT**

**SOALAN:**

**YB. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA  
LANGAT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah  
rancangan mengkaji semula kedudukan keselamatan pengguna  
Lebuhraya SKVE Saujana Putra ke Teluk Panglima Garang, Kuala  
Langat.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian ini mengambil maklum mengenai isu pemendapan jalan dan sambungan jambatan yang tidak rata di antara KM28 hingga KM30, Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), iaitu berhampiran exit 2609 Persimpangan Telok Panglima Garang. Masalah tersebut berpunca daripada jajaran lebuh raya berkenaan dibina secara ‘at-grade’ di kawasan tanah gambut yang lembut dan ia terdedah kepada risiko mendapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 peringkat pemantapan asas struktur tanah semasa pembinaan sesuatu lebuh raya itu, iaitu pemantapan pertama (‘primary consolidation’) dan pemantapan kedua (‘secondary consolidation’). Untuk peringkat pertama, pemantapan tanah yang biasa digunakan ialah menerusi kaedah ‘surcharge’ tanah. Manakala peringkat kedua pemantapan tanah pula akan mengambil tempoh masa yang lebih panjang, iaitu antara 6 bulan hingga setahun untuk memastikan tahap pemantapan yang benar-benar stabil. Lebuhraya SKVE (Seksyen 2) ini telah memenuhi kriteria minimum pemendapan tanah mengikut piawaian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun masalah mendapan ini berlaku setelah ia dibuka kepada lalu lintas pada bulan Jun 2012.

Sehubungan itu, pihak konsesi SKVE telah mengambil langkah untuk menurap semula laluan yang mendap itu dan menambah bilangan papan tanda amaran had laju di kawasan terlibat. Setakat ini pihak konsesi telah membelanjakan sebanyak RM30 juta bagi

memastikan struktur asas laluan tersebut selamat digunakan. Kerja-kerja pembaikan oleh syarikat konsesi itu dilaksanakan daripada masa ke semasa dan ia dipantau oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**SOALAN : 540**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah jumlah kos setakat ini yang ditanggung untuk misi pencarian penerbangan MH370 dan MH17. Pecahkan mengikut negara-negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kos setakat ini yang ditanggung untuk misi pencarian penerbangan MH370 dan MH17 oleh Kerajaan adalah sebanyak RM139,037,001.04.

Mengenai pecahan jumlah kos yang ditanggung untuk misi pencarian penerbangan MH370 dan MH17 mengikut negara, misi tersebut dilaksanakan sejajar dengan standard yang ditetapkan di bawah ANNEX 12 *Search and Rescue* (SAR), *Chicago Convention 1944* di mana setiap Negara perlu menyediakan perkhidmatan SAR bagi kawasan di dalam kawasan *Search and Rescue Region* (SRR) yang telah ditetapkan oleh *Aviation Security, International Civil Aviation Organisation* (ICAO). Dalam hubungan ini, kos misi pencarian penerbangan MH370 dan MH17 adalah ditanggung oleh negara-negara yang terlibat.